

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS DAERAH JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN
DAN
TAWARAN SEMULA

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Katogeri/ Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MDJL SH/14/2017	Bina Baru 1 (satu) Unit Tandas Serta Kerja-kkerja berkaitan di Tapak Semaian Majlis Daerah Jempol, Bandar Seri Jempol	Gred G1 (Bumiputera) <u>Kategori</u> B-Pembinaan Bangunan <u>Pengkhususan</u> B04-Kerja Am Bangunan	30.00	11/05/2017 (Khamis)
MDJL SH/22/2017	Kerja-kkerja Baikpulih Bumbung Dan Bangunan Serta Kerja-kkerja berkaitan di Gerai MDJL Palong 11	Gred G1 (Bumiputera) <u>Kategori</u> B-Pembinaan Bangunan <u>Pengkhususan</u> B04-Kerja Am Bangunan	30.00	11/05/2017 (Khamis)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi daripada Bahagian Jabatan Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol mulai dari **04hb Mei 2017 (Khamis)**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum dari tarikh di atas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata. Sebarang Penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6% .

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Daerah Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **03hb. Mei 2017 (Rabu)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Daerah Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran. Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **11hb. Mei 2017 (Khamis)**. Sila lampirkan bersama **Sijil Pendaftaran GST** bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap bagi yang memiliki sijil tersebut.

Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan dikeluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat-surat pendaftaran asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebutharga.


Majlis Daerah Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol sahaja.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal PPK dan CIDB semasa lawatan tapak
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
5. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera Gred G1 yang **berdaftar dengan Majlis Daerah Jempol pada tahun 2017** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga tersebut.

Tarikh Pengiklanan

28 April 2017



.....
(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p. Yang Dipertua

Majlis Daerah Jempol.